

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG KALI KE-8/2021
SERTA PERASMIAN KEDAI RUNCIT BA100**

**KOPERASI KARIAH MASJID TENGKU
SULAIMAN KETARI BENTONG BERHAD**

**22 FEBRUARI 2022
SELASA, 2:30 PETANG
MASJID TENGKU SULAIMAN, KETARI
BENTONG, PAHANG**

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima Kasih Pengacara Majlis

**{SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA
MAJLIS}**

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini berhimpun dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-

8/2021 dan Perasmian Kedai Runcit BA100 Koperasi Kariah Masjid Tengku Sulaiman Ketari Bentong Berhad.

2. Sebelum meneruskan ucapan, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur dan warga

Koperasi Kariah Masjid Tengku
Sulaiman Ketari Bentong Berhad
kerana sudi menjemput saya
merasmikan mesyuarat agung ini serta
dapat bersama-sama hadir pada hari
ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Dalam kita berhadapan situasi Covid-19 yang sudah memasuki tahun ketiga dan tiada tanda-tanda akan berakhir, penyertaan koperasi menjadi anggota ANGKASA menunjukkan pertambahan dari segi bilangan koperasi mengikut negeri seluruh negara.

4. Statistik Keanggotaan ANGKASA sehingga Januari 2022 menunjukkan jumlah keseluruhan koperasi yang menjadi anggota ANGKASA adalah sebanyak 14,629 buah pada tahun 2022 berbanding 14,625 buah pada tahun 2020. Bagi negeri Pahang (Pahang Timur, Tengah dan Barat)

menunjukkan sebanyak **976** buah koperasi menjadi anggota **ANGKASA** berbanding **954** buah koperasi pada tahun **2020**. Pertambahan sebanyak **22** buah koperasi ini merupakan pencapaian yang agak memuaskan yang mana sektor koperasi turut terjejas dengan situasi ekonomi yang

tidak menentu.

5. Ini secara tidak langsung menunjukkan masyarakat mempunyai keyakinan bahawa koperasi mampu membawa perubahan kepada landskap ekonomi. Aktiviti ekonomi yang diusahakan oleh koperasi

mampu menjana pendapatan dan pekerjaan baru kepada penduduk setempat. Oleh itu, saya menyeru koperasi anggota yang sedia ada untuk turut sama berkempen bagi menambah keanggotaan agar gerakan koperasi kekal relevan dalam arus perdana sosioekonomi rakyat dan

negara.

6. Bagi meningkatkan pendapatan koperasi untuk jangka masa panjang, jalinan kerjasama strategik dengan koperasi lain perlu diwujudkan bagi meluaskan rangkaian perniagaan pada skala yang lebih besar. Ini satu usaha

bagi menjamin keuntungan lumayan seterusnya memberikan pulangan dividen yang tinggi kepada anggota.

7. ANGGKASA terus komited membantu koperasi sama ada dari segi khidmat nasihat, merangka pelan perniagaan dan aktiviti perkhidmatan

yang dapat memberikan pulangan sosioekonomi yang bermanfaat untuk anggota khususnya dan koperasi amnya.

Hadirin yang dihormati sekalian

8. BA100 merupakan projek

nasional yang menjadi nadi kepada program pembangunan ekonomi gerakan koperasi oleh Kementerian Pembangunan Usahawan yang digerakkan secara bersama oleh ANGKASA, SKM dan IKMa.

9. Rancangan Pembangunan

Program BA100 telah bermula sejak 2019 bagi mencapai matlamat ekonomi dan anggota koperasi khususnya dalam sektor pemborongan dan peruncitan.

10. Untuk makluman, sehingga **31 Disember 2021, bilangan koperasi**

(sekolah/IPT = 1084, dewasa = 726, kedai anggota = 200) yang telah mendaftar dan menempah Aplikasi Jimat, adalah sebanyak 2010 buah. Walaupun masih belum mencapai sasaran **(sekolah/IPT = 2000 buah, dewasa = 1000 buah)**, pencapaian ini pada pendapat saya tetap

memberangsangkan. Diharap sasaran ini akan dapat dicapai sepenuhnya pada tahun 2022, insyaAllah.

11. BA100 diperkasakan dengan matlamat untuk:

- i. Menurunkan kos sara hidup rakyat.

- ii. Membantu koperasi dan IKS memasarkan barangan koperasi dan IKS.
- iii. Membentuk gerakan koperasi yang kuat menerusi ekosistem yang lengkap.
- iv. Menambah peluang pekerjaan kepada anggota koperasi dan rakyat Malaysia.

12. Bagi menampung permintaan koperasi peruncitan di Lembah Kelang, ANGKASA menyediakan pusat pengedaran yang terletak di Puchong dan telah mula beroperasi pada November 2021. ANGKASA bekerjasama dengan KV Resources yang menawarkan perkhidmatan

penstoran dan pengedaran barangan. Langkah seterusnya adalah untuk membuka pusat pengedaran BA100 di zon-zon lain di seluruh Malaysia.

13. ANGKASA akan bekerjasama dengan SKM dan IKMa untuk

mengenal pasti pusat pengedaran yang mampu memenuhi kriteria yang diperlukan untuk menjadi sebuah pusat pengedaran BA100 dan koperasi yang berpotensi untuk menjadi *sub-dc*.

14. Langkah ini seiring dengan kenyataan YAB Perdana Menteri yang

mahukan satu pihak dari kalangan koperasi yang boleh membuat pembelian secara pukal dan kemudiannya memberikan khidmat pembekalan kepada koperasi peruncitan di seluruh Malaysia.

15. ANGKASA telah mengambil inisiatif

membuat pembelian secara pukal daripada pembekal atau pengeluar serta mengadakan rundingan dengan pembekal-pembekal dan kemudiannya dihantar secara terus kepada peruncit. Menerusi pendekatan ini, kedai-kedai koperasi dapat bergabung dan menawarkan

jualan barangan asas pada harga yang berpatutan.

16. Pada tahun 2022, program BA100 mensasarkan perolehan sebanyak RM7.2 billion melalui pembekalan kepada 3,000 kedai koperasi dan anggota koperasi yang menjalankan

aktiviti peruncitan. Ini dapat dilakukan dengan mensasarkan sekurang-kurangnya satu outlet berfungsi sebagai kedai coopmart di setiap DUN yang akan memberikan manfaat kepada 3,000,000 pengguna.

17. Akhir kata, sekali lagi terima kasih kepada warga Koperasi Kariah Masjid Tengku Sulaiman Ketari Bentong Berhad yang hadir pada hari ini, dan selamat bermesyuarat untuk semua.

Dengan

Bismillahirrahmaanirrahim,

lafaz

saya

dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Kali ke-8 serta Perasmian Kedai Runcit BA100 Koperasi Kariah Masjid Tengku Sulaiman Ketari Bentong Berhad.

Sekian, terima kasih.